



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.100-11/2/14 (51)

Tarikh : 15 Januari 2024

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Aras 13, Blok F1, Kompleks F

No.2, Lebuhraya Perdana Timur A, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62000 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk,

**PENGAMBILAN PEGAWAI BAHARU SECARA LANTIKAN KONTRAK
(CONTRACT OF SERVICE - COS) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan komitmen negara dalam menangani isu peningkatan tanggungan pencen, Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 telah memutuskan supaya suatu kaedah baharu bagi lantikan tetap pegawai awam diperkenalkan ke arah mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam di Malaysia, sekali gus dapat melandaikan tanggungan fiskal negara dalam tempoh jangka masa panjang. Inisiatif kaedah lantikan baharu tersebut kini sedang dalam fasa pindaan kepada undang-undang berkaitan dan penambahbaikan terhadap kesediaan sistem yang terlibat.

3. Susulan penetapan kaedah lantikan tetap baharu tersebut, Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya dalam tempoh peralihan (interim) sebelum penguatkuasaan kaedah tersebut, pengambilan pegawai awam ke perjawatan tetap akan dilaksanakan secara lantikan kontrak (COS)

berkuat kuasa mulai tahun 2024. Kaedah pelaksanaan lantikan kontrak ini adalah mengikut peraturan, pekeliling perkhidmatan dan kaedah semasa yang sedang berkuat kuasa iaitu MyPPSM Ceraian UP.1.1.1 Prosedur dan Dasar Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*). Dalam hal ini, lantikan kontrak (COS) yang dimaksudkan adalah lantikan kontrak Objek Sebagai (OS) 11000.

4. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) hendaklah mematuhi dan melaksanakan ketetapan ini berdasarkan peraturan, pekeliling perkhidmatan dan kaedah semasa yang sedang berkuat kuasa.

5. Pelaksanaan pengambilan pegawai baharu secara lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam ini **berkuat kuasa mulai 1 Februari 2024**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HJ ABDUL AZIZ)

Salinan Kepada:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Semua Ketua Perkhidmatan berkaitan